

11 MAY 1996

Konvensyen-Najib

UMNO TETAP SAMA WALAUPUN BANYAK PROFESIONAL MENYERTAINYA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Umno masih tetap sebuah pertubuhan demokratik yang berjuang untuk semua rakyat sungguhpun peranan kepemimpinan dalam Umno telah banyak diambil alih golongan menengah dan profesional, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata golongan menengah Melayu terpelajar dan golongan profesional kini semakin ramai, tetapi kepemimpinan mereka masih tetap peka akan aspirasi rakyat biasa Melayu.

"Di sinilah letaknya rahsia kemantapan Umno selama setengah abad yang lepas," katanya pada majlis perasmian Konvensyen Ulang tahun ke-50 Umno oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau berkata Umno yang bermula sebagai gerakan rakyat Melayu 50 tahun lepas, masih dapat mengekalkan sebahagian besar ciri-ciri asalnya walaupun struktur sosial bangsa Melayu, komposisi kepemimpinan dan keanggotaannya telah banyak berubah.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan dan pengerusi konvensyen, berkata Umno dapat mengatasi cabaran dalaman dan luaran yang dihadapinya, tanpa perlu mencabut akar umbi ciri KeMelayuannya.

Beliau berkata hingga hari ini, Umno tidak pernah kekurangan "relevannya" malah semakin kuat daya pikatnya terhadap orang Melayu.

Katanya, "Jumlah anggota Umno hari ini melebihi 2.4 juta dan oleh kerana jumlah orang Melayu yang layak menyertai Umno adalah kira-kira 5.6 juta maka ini bererti hampir 42 peratus orang Melayu sudahpun menyertai Umno dan ini satu rekod dunia."

Beliau berkata oleh kerana hampir keseluruhan anggota Umno beragama Islam, tidaklah salah dakwaan yang pernah dibuat bahawa umno merupakan antara parti Islam yang besar di dunia.

Najib berkata, "Umno milik orang Melayu dan akuilah bahawa Umno satu-satunya wadah harapan yang diyakini serta berdaya maju untuk membawa kita melangkah masuk ke abad ke-21."

Beliau berkata, "Oleh itu sedar dan insaflah bahawa kita hanya pendokong amanah besar orang Melayu dan kita boleh datang dan pergi tetapi Umno tetap akan kekal sebagai wadah perjuangan masa depan."

Najib berkata: "Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Ummolah satu-satunya badan politik yang bertanggungjawab mengubah nasib bangsa Melayu -- dari sebuah bangsa masyarakat tani yang lemah menjadi sebuah bangsa moden yang dapat berdiri sama tinggi dan mengangkat wajah sama gagah dengan bangsa-bangsa lain yang maju di dunia."

Beliau berkata Umno bukan sahaja telah berhasil mempertahankan martabat bangsa Melayu, malah telah mempelopori kemerdekaan negara.

Umno amat beruntung kerana pemimpinnya yang salih berganti terdiri daripada tokoh-tokoh yang berwibawa, berhemah tinggi dan berpandangan jauh dan memahami aspirasi bangsanya.

Beliau berkata Umno hari ini amat bertuah kerana mempunyai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpinnya.

Katanya dengan kepekaan yang mendalam dan wawasan yang tajam Dr Mahathir sedang memimpin parti dan negara memasuki era baru dan abad baru yang penuh dengan pelbagai cabaran.

Beliau berkata segala pembaharuan dalam pendekatan dan dasar yang sentiasa sesuai dengan tuntutan sezaman, telah merubah pandangan dunia terhadap bangsa dan negara ini.

Malaysia kini terkenal dan dihormati di seluruh dunia sebagai negara contoh dari segi kestabilan politik, keharmonian kaum, kemajuan ekonomi dan penghayatan Islam, katanya.

"Kita semua amat yakin bahawa pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan dibantu Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membawa negara kita ke persada jaya yang lebih gemilang," katanya. -- Bernama

HT AHH